**D.R. 7/2023**

# RANG UNDANG-UNDANG PEMANSUHAN HUKUMAN MATI MANDATORI 2023

## SUSUNAN FASAL

Bahagian I

PERMULAAN

*Fasal*


1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan Akta


Bahagian II

PINDAAN KEPADA KANUN KESEKSAAN


3. Pindaan seksyen 115
4. Pindaan seksyen 118
5. Pindaan seksyen 119
6. Pindaan seksyen 121
7. Pindaan seksyen 121A
8. Pindaan seksyen 121B
9. Pindaan seksyen 122
10. Pindaan seksyen 124K
11. Pindaan seksyen 124M
12. Pindaan seksyen 125
13. Pindaan seksyen 125A
14. Pindaan seksyen 128
15. Pindaan seksyen 130
16. Pindaan seksyen 130A
17. Pindaan seksyen 130B
18. Pindaan seksyen 130C

*Fasal*

19. Pindaan seksyen 130D
20. Pindaan seksyen 130I
21. Pindaan seksyen 130J
22. Pindaan seksyen 130K
23. Pindaan seksyen 130KA
24. Pindaan seksyen 130N
25. Pindaan seksyen 130O
26. Pindaan seksyen 130QA
27. Pindaan seksyen 130ZB
28. Pindaan seksyen 201
29. Pindaan seksyen 212
30. Pindaan seksyen 213
31. Pindaan seksyen 214
32. Pindaan seksyen 216
33. Pindaan seksyen 221
34. Pindaan seksyen 302
35. Pindaan seksyen 307
36. Pindaan seksyen 364
37. Pindaan seksyen 374A
38. Pindaan seksyen 450
39. Peralihan

BAHAGIAN III

PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971

40. Pindaan seksyen 2
41. Pindaan seksyen 3
42. Pindaan seksyen 3A
43. Pindaan seksyen 4
44. Pindaan seksyen 5
45. Pindaan seksyen 7
46. Peralihan

### Bahagian IV

PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA 1960

*Fasal*

47. Pindaan seksyen 2
48. Pindaan seksyen 14
49. Pindaan seksyen 32
50. Pemotongan seksyen 46
51. Peralihan

### Bahagian V

PINDAAN KEPADA AKTA PENCULIKAN 1961

52. Pindaan seksyen 3
53. Peralihan

### Bahagian VI

PINDAAN KEPADA AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

54. Pindaan seksyen 39B
55. Peralihan

### Bahagian VII

PINDAAN KEPADA AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

56. Pindaan seksyen 9
57. Pindaan seksyen 10
58. Pindaan seksyen 11
59. Pindaan seksyen 12
60. Peralihan

### Bahagian VIII

PINDAAN KEPADA KANUN TATACARA JENAYAH

61. Pindaan seksyen 15
62. Pindaan seksyen 172D

*Fasal*

63. Pindaan seksyen 388

64. Pindaan seksyen 425A

65. Pindaan Jadual Pertama

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, Akta Senjata 1960, Akta Penculikan 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Kanun Tatacara Jenayah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori, untuk mengubah hukuman yang berhubungan dengan pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Bahagian I

PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan Akta**

**2.** Kanun Keseksaan [*Akta 574*], Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 [*Akta 37*], Akta Senjata 1960 [*Akta 206*], Akta Penculikan 1961 [*Akta 365*], Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*], Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*] dan Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dipinda mengikut cara yang dinyatakan masing-masing dalam Bahagian II, III, IV, V, VI, VII dan VIII.

## Bahagian II

### PINDAAN KEPADA KANUN KESEKSAAN

**Pindaan seksyen 115**

**3.** Kanun Keseksaan, yang disebut "Kanun" dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 115 dengan memasukkan selepas perkataan "which may extend to twenty years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 118**

**4.** Seksyen 118 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "which may extend to twenty years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 119**

**5.** Seksyen 119 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "which may extend to twenty years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 121**

**6.** Seksyen 121 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 121A**

**7.** Seksyen 121A Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "with death and shall also be liable to fine" dengan perkataan "with death or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 121B**

**8.** Seksyen 121B Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 122**

**9.** Seksyen 122 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 124K**

**10.** Seksyen 124K Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 124M**

**11.** Seksyen 124M Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 125**

**12.** Seksyen 125 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life, to which fine may be added; or with imprisonment for a term which may extend to twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 125A**

**13.** Seksyen 125A Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life, to which fine may be added; or with imprisonment for a term which may extend to twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 128**

**14.** Seksyen 128 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life, or imprisonment for a term which may extend to twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 130**

**15.** Seksyen 130 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life, or imprisonment for a term which may extend to twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 130A**

**16.** Seksyen 130A Kanun dipinda dengan memotong perenggan *(f)*.

**Pindaan seksyen 130B**

**17.** Subseksyen 130B(1) Kanun dipinda dengan memotong takrif "imprisonment for life".

**Pindaan seksyen 130C**

**18.** Perenggan 130C(1)*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 130D**

**19.** Seksyen 130D Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding thirty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 130I**

**20.** Perenggan 130I*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 130J**

**21.** Subseksyen 130J(1) Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life or imprisonment for a term not exceeding thirty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 130K**

**22.** Seksyen 130K Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life, and shall also be liable to fine; or with imprisonment for a term which may extend to twenty years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years, and shall also be liable to fine".

**Pindaan seksyen 130KA**

**23.** Seksyen 130KA Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "forty years".

**Pindaan seksyen 130N**

**24.** Perenggan 130N*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 130O**

**25.** Perenggan 130O(1)*(aa)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 130QA**

**26.** Perenggan 130QA*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 130ZB**

**27.** Perenggan 130ZB*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 201**

**28.** Seksyen 201 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment which may extend to ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 212**

**29.** Subseksyen 212(1) Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment which may extend to ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 213**

**30.** Seksyen 213 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment which may extend to ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 214**

**31.** Seksyen 214 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment which may extend to ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 216**

**32.** Subseksyen 216(1) Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 221**

**33.** Perenggan 221*(b)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for a term which may extend to ten years" perkataan "or upwards".

**Pindaan seksyen 302**

**34.** Seksyen 302 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 307**

**35.** Seksyen 307 Kanun dipinda dengan memotong subseksyen (2).

**Pindaan seksyen 364**

**36.** Seksyen 364 Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "death or imprisonment for a term which may extend to thirty years and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping" dengan perkataan "imprisonment for a term of not more than thirty years and shall also be punished with whipping".

**Pindaan seksyen 374A**

**37.** Perenggan 374A*(a)* Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "with death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and if not sentenced to death, shall also be punished with whipping of not less than twelve strokes".

**Pindaan seksyen 450**

**38.** Seksyen 450 Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for a term which may extend to twenty years" perkataan "or upwards".

**Peralihan**

**39.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 121, 121A, 302 atau 364 atau perenggan 130C(1)*(a)*, 130I*(a)*, 130N*(a)*, 130O(1)*(aa)*, 130QA*(a)*, 130ZB*(a)* atau 374A*(a)* Kanun, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Kanun sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian III

### PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971

**Pindaan seksyen 2**

**40.** Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "pemenjaraan seumur hidup".

**Pindaan seksyen 3**

**41.** Seksyen 3 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dihukum mati" dengan perkataan "dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada dua belas kali".

**Pindaan seksyen 3A**

**42.** Seksyen 3A Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dihukum mati" dengan perkataan "dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga disebat tidak kurang daripada dua belas kali".

**Pindaan seksyen 4**

**43.** Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dipenjarakan seumur hidup" dengan perkataan "dipenjarakan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Pindaan seksyen 5**

**44.** Seksyen 5 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dipenjarakan seumur hidup" dengan perkataan "dipenjarakan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Pindaan seksyen 7**

**45.** Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subskesyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

> "(1) Seseorang yang berdagang senjata api hendaklah dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan disebat tidak kurang daripada enam kali.".

**Peralihan**

**46.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 3, 3A atau 7 Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

Bahagian IV

PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA 1960

**Pindaan seksyen 2**

**47.** Akta Senjata 1960, yang disebut "Akta ibu" dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 2(1) dengan memotong takrif "imprisonment for life".

**Pindaan seksyen 14**

**48.** Seksyen 14 Akta ibu dipinda—

*(a)* dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Any person who manufactures an arm or ammunition without a valid licence granted under section 12 or in contravention of any condition imposed under paragraph 12(2)*(a)* shall, on conviction—

*(a)* be punished with imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and with whipping of not less than six strokes; and

*(b)* in the case of a company, firm, society or body of persons, be punished with a fine not exceeding five million ringgit."; dan

*(b)* dalam subseksyen (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan "twenty-five thousand ringgit" dengan perkataan "two hundred and fifty thousand ringgit"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "one hundred thousand ringgit" dengan perkataan "one million ringgit".

**Pindaan seksyen 32**

**49.** Perenggan 32(1)*(a)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life or for a term not exceeding fourteen years" dengan perkataan "imprisonment for a term not exceeding forty years".

**Pemotongan seksyen 46**

**50.** Seksyen 46 Akta ibu dipotong.

**Peralihan**

**51.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan 14(1)*(a)* Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian V

## PINDAAN KEPADA AKTA PENCULIKAN 1961

**Pindaan seksyen 3**

**52.** Akta Penculikan 1961, yang disebut "Akta ibu" dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 3(1) dengan menggantikan perkataan "with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping" dengan perkataan "with imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years and with whipping".

**Peralihan**

**53.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 3 Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

BAHAGIAN VI

PINDAAN KEPADA AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

**Pindaan seksyen 39B**

**54.** Akta Dadah Berbahaya 1952, yang disebut "Akta ibu" dalam Bahagian ini, dipinda dalam seksyen 39B—

*(a)* dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "be punished with whipping of not less than fifteen strokes" dengan perkataan "be punished with whipping of not less than twelve strokes"; dan

*(b)* dengan memotong subseksyen (2A) dan (2B).

**Peralihan**

**55.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

BAHAGIAN VII

PINDAAN KEPADA AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

**Pindaan seksyen 9**

**56.** Akta Perdagangan Strategik 2010, yang disebut "Akta ibu" dalam Bahagian ini, dipinda—

*(a)* dalam subsubperenggan 9(4)*(a)*(i)(A) dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun";

(*b*) dalam subsubperenggan 9(5)*(a)*(i)(A) dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun"; dan

(*c*) dalam subsubperenggan 9(6)*(a)*(i)(A) dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Pindaan seksyen 10**

**57.** Perenggan 10(2)*(a)* Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Pindaan seksyen 11**

**58.** Subperenggan 11(2)*(a)*(i) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Pindaan seksyen 12**

**59.** Subsubperenggan 12(4)*(a)*(i)(A) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemenjaraan selama hayat" dengan perkataan "pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun".

**Peralihan**

**60.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, jika seseorang disabitkan oleh mana-mana mahkamah kerana melakukan suatu kesalahan di bawah subsubperenggan 9(4)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(5)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(6)*(a)*(i)(A), perenggan 10(2)*(a)*, subperenggan 11(2)*(a)*(i) atau subsubperenggan 12(4)*(a)*(i)(A) Akta ibu, orang itu, sama ada dalam suatu perbicaraan atau rayuan, hendaklah dihukum mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini walaupun kesalahan itu dilakukan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian VIII

PINDAAN KEPADA KANUN TATACARA JENAYAH

**Pindaan seksyen 15**

**61.** Kanun Tatacara Jenayah, yang disebut "Kanun" dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 15(3) dengan memasukkan selepas perkataan "punishable with death" perkataan "or with imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 172D**

**62.** Subperenggan 172D(3)*(b)*(ii) Kanun dipinda dengan menggantikan perkataan "imprisonment for natural life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years".

**Pindaan seksyen 388**

**63.** Subseksyen 388(1) Kanun dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for life" perkataan "or imprisonment for a term which may extend to forty years".

**Pindaan seksyen 425A**

**64.** Subseksyen 425A(2) Kanun dipinda dengan menggantikan perenggan *(c)* dengan perenggan yang berikut:

"*(c)* imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years.".

**Pindaan Jadual Pertama**

**65.** Jadual Pertama kepada Kanun dipinda—

*(a)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 115 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for life" perkataan "or imprisonment for a term which may extend to twenty years or upwards";

*(b)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 118 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for life" perkataan "or imprisonment for a term which may extend to twenty years or upwards";

*(c)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 119 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for life" perkataan "or imprisonment for a term which may extend to twenty years or upwards";

*(d)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 121 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years";

*(e)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 121A Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "and fine" dengan perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(f)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 121B Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life" dengan perkataan "Imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years";

*(g)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 122 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, or imprisonment for twenty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years";

*(h)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 124K Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life" dengan perkataan "Imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years";

*(i)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 124M Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life" dengan perkataan "Imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years";

*(j)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 125 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, and fine; or imprisonment for twenty years and fine;" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years and fine,";

*(k)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 125A Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, and fine; or imprisonment for twenty years and fine;" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years and fine,";

*(l)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 128 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, or imprisonment for twenty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years";

*(m)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, or imprisonment for twenty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years";

*(n)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130C Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(o)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130D Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, or imprisonment for thirty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years";

*(p)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130I Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(q)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130J Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, or imprisonment for thirty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years";

*(r)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130K Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Imprisonment for life, and fine; or imprisonment for twenty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term not exceeding forty years, and fine";

*(s)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130KA Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "imprisonment for life" dengan perkataan "forty years";

*(t)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130N Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(u)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130O Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(v)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130QA Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "If the act results in death, with death, in any other case, imprisonment for not less than seven years but not exceeding thirty years, and fine" dengan

perkataan "Death or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes; or imprisonment for not less than seven years but not exceeding thirty years, and fine";

*(w)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 130ZB Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "If the act results in death, with death, in any other case, imprisonment for not less than seven years but not exceeding thirty years, and fine" dengan perkataan "Death or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes; or imprisonment for not less than seven years but not exceeding thirty years, and fine";

*(x)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 201 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(y)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 212 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(z)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 213 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(aa)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 214 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(bb)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 216 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(cc)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 221 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "imprisonment for ten years" perkataan "or upwards";

*(dd)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 302 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes";

*(ee)* berhubung dengan seksyen 307 Kanun Keseksaan, dengan memotong butiran "Attempt by life convict to murder, if hurt is caused" dan butir-butir yang berhubungan dengannya;

*(ff)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 364 Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan menggantikan perkataan "Death, or imprisonment for thirty years" dengan perkataan "Imprisonment for a term of not more than thirty years";

*(gg)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 374A Kanun Keseksaan, dalam ruang (7), dengan memasukkan selepas perkataan "Death" perkataan "or imprisonment for a term of not less than thirty years but not exceeding forty years, and if not sentenced to death, with whipping of not less than twelve strokes"; dan

*(hh)* dalam butiran yang berhubungan dengan seksyen 450 Kanun Keseksaan, dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas perkataan "punishable with imprisonment for life" perkataan ", imprisonment for twenty years or upwards".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori, untuk mengubah hukuman pemenjaraan sepanjang hayat dan sebatan, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dengan meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”), Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (“Akta 37”), Akta Senjata 1960 (“Akta 206”), Akta Penculikan 1961 (“Akta 365”), Akta Dadah Berbahaya 1952 (“Akta 234”), Akta Perdagangan Strategik 2010 (“Akta 708”) dan Kanun Tatacara Jenayah (“Akta 593”) selaras dengan dasar Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dalam semua perundangan.

### Bahagian I

#### PERMULAAN

Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang perkara permulaan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* mengandungi senarai Akta yang dipinda di bawah Akta yang dicadangkan.

### Bahagian II

#### PINDAAN KEPADA KANUN KESEKSAAN

Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Kanun Keseksaan, yang bertujuan untuk, antara lain, memansuhkan hukuman mati mandatori.

4. Pindaan kepada Akta 574 bertujuan untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman mati yang tertakluk kepada budi bicara bagi kesalahan di bawah seksyen 121A, 130C, 130I, 130N, 130O, 130QA, 130ZB, 302 dan 374A.

5. Dengan pindaan ini, mahkamah mempunyai budi bicara sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau hukuman pemenjaraan bagi suatu tempoh yang tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun, dan jika tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan sebatan tidak kurang daripada dua belas kali bagi kesalahan terhadap diri Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri di bawah seksyen 121A Akta 574, melakukan perbuatan pengganas di bawah seksyen 130C Akta 574, mengarahkan aktiviti kumpulan pengganas di bawah seksyen 130I Akta 574,

menyediakan atau mengumpulkan harta untuk perbuatan pengganas di bawah seksyen 130N Akta 574, menyediakan perkhidmatan untuk tujuan keganasan di bawah seksyen 130O Akta 574, menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan perbuatan pengganas di bawah seksyen 130QA Akta 574 dan menerima suapan untuk memudahkan atau membolehkan aktiviti jenayah terancang di bawah seksyen 130ZB Akta 574.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 121 Akta 574 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan memerangi atau percubaan untuk memerangi atau bersubahat memerangi Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri.

7. *Fasal 21* hingga *26* bertujuan untuk meminda seksyen 130K, 130KA, 130N, 130O, 130QA dan 130ZB Akta 574 untuk menggantikan pemenjaraan seumur hidup, yang ditakrifkan sebagai pemenjaraan sepanjang hayat bagi seksyen tersebut, dan tempoh pemenjaraan yang lain dengan pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi empat puluh tahun.

8. *Fasal 34* bertujuan untuk meminda seksyen 302 Akta 574 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan membunuh. Pindaan ini adalah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dan memberi budi bicara kepada hakim berkenaan dengan pengenaan hukuman mati.

9. *Fasal 35* bertujuan untuk meminda seksyen 307 Akta 574 untuk memotong subseksyen (2) bagi kesalahan cubaan membunuh jika orang yang melakukan kesalahan itu sedang menjalani hukuman pemenjaraan seumur hidup atau bagi suatu tempoh selama dua puluh tahun.

10. *Fasal 36* bertujuan untuk meminda seksyen 364 Akta 574 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan menculik atau melarikan bagi tujuan untuk membunuh. Pindaan ini adalah untuk memansuhkan hukuman mati.

11. *Fasal 37* bertujuan untuk meminda seksyen 374A Akta 574 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan mengambil tebusan. Pindaan ini adalah untuk memansuhkan hukuman mati mandatori dalam perenggan *(a)*.

12. *Fasal 39* bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 121, 121A, 302 atau 364 atau perenggan 130C(1)*(a)*, 130I*(a)*, 130N*(a)*, 130O(1)*(aa)*, 130QA*(a)*, 130ZB*(a)* atau 374A*(a)* Akta 574 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian III

### PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA API (PENALTI LEBIH BERAT) 1971

Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971.

13. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 37 untuk memotong takrif "pemenjaraan seumur hidup".

14. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 37 untuk mengubah hukuman bagi melepaskan tembakan senjata api semasa melakukan kesalahan berjadual. Pindaan ini adalah untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga sebatan tidak kurang daripada dua belas kali.

15. *Fasal 42* bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 37 untuk mengubah hukuman bagi rakan sejenayah dalam hal melepaskan tembakan senjata api. Pindaan ini adalah untuk menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun dan juga sebatan tidak kurang daripada dua belas kali.

16. *Fasal 43* dan *44* bertujuan untuk meminda seksyen 4 dan 5 Akta 37 masing-masing untuk mengubah hukuman bagi menunjukkan senjata api dan ada senjata api pada dirinya pada masa melakukan suatu kesalahan berjadual.

17. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 37 untuk mengubah hukuman bagi pemerdagangan senjata api dengan, antara lain, memansuhkan hukuman mati.

18. *Fasal 46* bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 3, 3A atau 7 Akta 37 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian IV

### PINDAAN KEPADA AKTA SENJATA 1960

Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Akta Senjata 1960.

19. *Fasal 47* bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) Akta 206 untuk memotong takrif “pemenjaraan seumur hidup”.

20. *Fasal 48* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 206 untuk mengubah hukuman bagi pengilangan senjata atau amunisi tanpa lesen yang sah dan bagi pelanggaran syarat lesen pengilangan senjata atau amunisi.

21. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda perenggan 32(1)*(a)* Akta 206 untuk menggantikan pemenjaraan seumur hidup di bawah perenggan itu dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun.

22. *Fasal 51* bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah perenggan 14(1)*(a)* Akta 206 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian V

### PINDAAN KEPADA AKTA PENCULIKAN 1961

Bahagian V Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Akta Penculikan 1961.

23. *Fasal 52* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 365 untuk mengubah hukuman bagi kesalahan pemelarian, penahanan salah atau pengurungan salah untuk tebusan dengan, antara lain, memansuhkan hukuman mati.

24. *Fasal 53* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 3 Akta 365 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian VI

### PINDAAN KEPADA AKTA DADAH BERBAHAYA 1952

Bahagian VI Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.

25. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda seksyen 39B Akta 234.

*Subfasal 54(a)* bertujuan untuk mengubah hukuman bagi kesalahan mengedar dadah dalam subseksyen 39B(2) Akta 234 dengan mengubah bilangan sebatan daripada minimum lima belas kali kepada minimum dua belas kali jika hukuman mati tidak dijatuhkan.

*Subfasal 54(b)* bertujuan untuk memotong subseksyen 39B(2A) dan (2B) Akta 234 untuk memberi hakim budi bicara sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati ataupun tidak tanpa mengambil kira hal keadaan dalam subseksyen (2A) yang dibaca bersama dengan subseksyen (2B).

26. *Fasal 55* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peralihan yang berhubungan dengan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B Akta 234 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian VII

### PINDAAN KEPADA AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

Bahagian VII Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Akta Perdagangan Strategik 2010.

27. *Fasal 56*, *57*, *58* dan *59* bertujuan untuk meminda subsubperenggan 9(4)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(5)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(6)*(a)*(i)(A), perenggan 10(2)*(a)*, subperenggan 11(2)*(a)*(i) dan subsubperenggan 12(4)*(a)*(i)(A) Akta 708 untuk menggantikan hukuman pemenjaraan selama hayat dengan hukuman pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun.

28. *Fasal 60* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai peralihan berhubungan dengan mana-mana orang yang telah melakukan kesalahan di bawah subsubperenggan 9(4)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(5)*(a)*(i)(A), subsubperenggan 9(6)*(a)*(i)(A), perenggan 10(2)*(a)*, subperenggan 11(2)*(a)*(i) atau subsubperenggan 12(4)*(a)*(i)(A) Akta 708 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

## Bahagian VIII

### PINDAAN KEPADA KANUN TATACARA JENAYAH

Bahagian VIII Akta yang dicadangkan memperkatakan pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta 574 untuk, antara lain, memansuhkan hukuman mati mandatori.

29. *Fasal 61* bertujuan untuk meminda subseksyen 15(3) Akta 593 untuk memperuntukkan bahawa tiada apa-apa dalam seksyen 15 Akta 593 memberikan hak, kepada pegawai polis atau mana-mana orang lain, semasa membuat tangkapan untuk menyebabkan kematian seseorang yang tidak dituduh dengan kesalahan yang membawa hukuman mati atau pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada tiga puluh tahun tetapi tidak melebihi empat puluh tahun.

30. *Fasal 63* bertujuan untuk meminda subseksyen 388(1) Akta 593 untuk juga memperuntukkan bahawa jika seseorang Pegawai yang menjaga Daerah Polis atau Mahkamah mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang yang dituduh melakukan apa-apa kesalahan tidak boleh jamin yang ditangkap atau ditahan tanpa waran telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan sepanjang hayat, orang itu tidak boleh dilepaskan atas jaminan melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa orang itu, berumur di bawah enam belas tahun, ialah seorang perempuan, ialah seorang yang sakit atau ialah seorang yang uzur.

31. *Fasal 65* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 593 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Kanun Keseksaan.

## AM

32. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini adalah pindaan kecil atau berbangkit.

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3139]